

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa kitab suci al-Quran dan mempunyai nilai yang tinggi di sisi Islam selain merupakan bahasa yang digunakan dalam hadis Rasulullah s.a.w.

Para penyelidik menyatakan bahawa bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang berasal dari rumpun bahasa Samit. Bahasa Samit pula adalah salah satu daripada tiga rumpun bahasa yang menjadi asas kepada bahasa-bahasa yang wujud hari ini, iaitu bahasa-bahasa Samit, Aramit dan Hamit.¹

Sesungguhnya bahasa Arab mempunyai kosa kata yang kaya, di samping setiap kosa kata mempunyai makna yang jitu dan tepat bagi sesuatu kata untuk menggambarkan sesuatu hadis nabi, syair dan prosa klasik. Selain mempunyai kosa kata yang begitu meluas serta mewakili makna yang tepat dan jitu, bahasa Arab begitu kaya dengan formula nahu tersendiri yang menyentuh tentang kata, frasa, ayat dan sebagainya yang telah dikaji dan ditulis serta disusun sejak zaman berzaman oleh para ilmuwan yang begitu arif dengan bahasa ini.

¹ Osman Khalid, *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1999. hlm 27.

Penulisan-penulisan yang terhasil adalah sejajar dengan kesedaran mereka tentang hakikat kepentingan memelihara bahasa Arab standard agar tidak menyimpang dari struktur sebenar bahasa Arab.

Mengikut pemerhatian penulis, walaupun ahli nahu moden meneruskan kesinambungan perkembangan ilmu nahu Arab terdahulu serta mengemaskinikan sistem nahu dari masa ke masa melalui analisa dan penelitian, serta semakin berkembang terutamanya di negara-negara penutur asal, antaranya Syria, Mesir, Jordan dan Arab Saudi, namun di Malaysia masih lagi memerlukan pendedahan terhadap nahu Arab. Situasi ini termasuklah yang melibatkan konstituen asas dalam bahasa Arab, iaitu kata yang bukan sahaja terdiri daripada kata nama, kata kerja dan partikel malah terdapat satu kategori kata yang dinamakan sebagai *ism fi'l* (kata nama yang berfungsi sebagai kata kerja) yang tidak terdapat pada bahasa ibunda kita iaitu bahasa Melayu.

Tidak dapat dinafikan bahawa *ism fi'l* ini tidak diberi tumpuan secara meluas memandangkan penggunaannya tidak diterapkan secara kerap dalam sesuatu penulisan meskipun hakikatnya ia mempunyai impak yang tersendiri dalam menyampaikan makna malah penggunaannya boleh dilihat di dalam teks-teks Arab termasuklah di dalam al-Quran al-karim.

Melihat kepada realiti ini, adalah penting bagi penulis mendedahkan kepada bukan penutur natif dari kalangan pelajar Melayu dan pencinta bahasa Arab mengenai *ism fi'l* di samping tidak mengabaikan perincian mengenai kata kerja dan kata nama bahasa Arab yang lain secara keseluruhan sebagai suatu gambaran perbandingan dari aspek

fungsi serta makna, lantaran topik ini jarang diberi tumpuan dan masih kurang perbincangan khusus berbanding topik-topik lain seperti frasa, ayat, *i'rab* dan sebagainya.

1.1 Permasalahan Kajian

Kerumitan dalam memahami teks-teks bahasa Arab selalunya boleh dikatakan berlaku atas faktor tidak menguasai nahu Arab dengan baik. Justeru itu tidak mustahil terdapat kesukaran dalam mengklasifikasikan jenis-jenis kata bahasa Arab yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan partikel sekalipun ia merupakan elemen terpenting dalam menguasai bahasa apatah lagi jika menyentuh tentang *ism fi'l* yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Tambahan pula, *ism fi'l* merupakan kategori kata yang jarang diambil berat dan diberi tumpuan dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Malaysia, berkemungkinan kerana sifatnya yang minoriti dalam penggunaan bahasa Arab.

Oleh sebab penulis mendapati masih tiada lagi kajian khusus terhadap sintaksis bahasa Arab yang menyentuh tentang *ism fi'l* selain melihat kepada keperluan pelajar untuk mendalaminya juga, maka topik ini menjadi pencetus kepada penulis untuk melakukan kajian agar kajian ini dapat memenuhi keperluan tersebut.

Seterusnya, menyentuh tentang perbincangan berkaitan *ism fi'l*, penulis akan memberi penumpuan berkisar kepada sintaksis bahasa Arab dan semantik yang tertera

pada ayat-ayat bahasa Arab yang menggunakan jenis kata ini memandangkan secara morfologi, *ism fi'l* tidak terlibat dalam pertukaran bentuk dan tidak ketara pula seandainya ada perubahan pada situasi tertentu mengikut perubahan kata ganti diri. Situasi ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan situasi yang berlaku pada kata kerja dan kata nama bahasa Arab yang mempunyai perubahan mengikut aspek morfologi.

Bertitik tolak dari sini juga, penulis ingin mengambil peluang untuk menyingkap kelebihan penggunaan *ism fi'l* dalam teks-teks bahasa Arab khususnya al-Quran al-karim dan merungkai persoalan sejauh mana kepentingan *ism fi'l* dan mengapakah penggunaannya tidak sekerap penggunaan jenis kata yang lain yang terdapat dalam bahasa Arab.

Berdasarkan permasalahan dan persoalan yang timbul ini, maka penulis berpandangan bahawa *ism fi'l* perlu diketengahkan secara terperinci sebagai usaha untuk mempertingkatkan lagi kefahaman pembacaan dan penulisan di kalangan bukan penutur natif Arab khususnya pelajar Melayu dan para pencinta bahasa yang indah ini.

1.2 Objektif Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini terdapat beberapa objektif yang disasarkan penulis iaitu antaranya ialah:

- 1) Mengenalpasti dengan jelas jenis-jenis penggolongan kata bahasa Arab khususnya mengenai pembentukan *ism fi'l*.

- 2) Memberi pendedahan yang lebih dekat terhadap penggunaan *ism fi'l* dengan berpandukan disiplin sintaksis bahasa Arab.
- 3) Membuat perincian mengenai *ism fi'l* menerusi sifat, fungsi dan maknanya khususnya dalam kitab suci al-Quran.
- 4) Menyenaraikan jenis-jenis *ism fi'l* sebagai panduan khususnya kepada pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa ketiga.

1.3 Soalan Kajian

Melalui kajian yang akan dijalankan, penulis ingin mendapatkan jawapan terhadap soalan-soalan berikut:

- 1) Bagaimanakah *ism fi'l* boleh dikenali dan diklasifikasikan?
- 2) Bagaimanakah pemahaman konsep jenis kata bahasa Arab khususnya *ism fi'l* dapat membantu proses penggunaan kata bahasa Arab?
- 3) Sejauh manakah penggunaan *ism fi'l* di dalam al-Quran al-karim?

1.4 Kepentingan Kajian

Melihat kepada masih tiada lagi kajian khusus di Malaysia mengkaji ayat-ayat yang mengandungi *ism fi'l* dalam bahasa Arab, dan juga melihat kepada keperluan pelajar untuk mendalaminya sebagai usaha memahami keindahan bahasa Arab dan kepelbagaian stail gaya bahasa yang ditonjolkan bahasa Arab, maka penulis berharap agar kajian ini dapat memenuhi keperluan dan kekosongan tersebut.

Penulis juga berpendapat kajian ini begitu penting kerana pendedahan melalui dapatan yang didapati nanti akan:

- 1) Membantu para pelajar bahasa Arab memahami konsep kata bahasa Arab khususnya *ism fi'l* dengan lebih baik agar dapat membantu mereka dalam memahami teks-teks bahasa Arab dan dalam penulisan bahasa Arab.
- 2) Mengetengahkan kepada para pelajar tentang perbezaan jenis dan fungsi kata bahasa Arab untuk memudahkan mereka mengenali kata kerja, kata nama-kata nama khususnya *ism fi'l* dan jenis kata bahasa Arab yang lain.
- 3) Memberi pendedahan jelas kepada pencinta bahasa Arab tentang *ism fi'l* dan peranannya dalam bahasa Arab.
- 4) Menjadikan panduan kepada pengajar tentang kaedah penggunaan *ism fi'l* dengan cara yang sistematik agar dapat membantu mereka dalam pengajaran bahasa Arab.

1.5 Batasan Kajian

Analisis kajian adalah berfokuskan kepada *ism fi'l* dalam bahasa Arab selain turut menyentuh secara umum jenis-jenis kata bahasa Arab yang lain sebagai perbandingan. Memandangkan skop kajian sintaksis begitu kompleks dan meluas, maka penulis membataskan kajian dengan memberi tumpuan kepada ayat-ayat yang terdapat dalam teks-teks Arab yang konstituennya terdiri daripada *ism fi'l* sahaja.

Pemilihan teks-teks adalah secara meluas kerana penggunaan *ism fi'l* tidak begitu ketara dalam setiap teks-teks bahasa Arab seandainya hanya tertumpu pada satu jenis teks sahaja. Namun, tumpuan utama diberikan kepada teks-teks al-Quran al-karim sebagai sumber analisis data sahaja manakala teks-teks Arab selain al-Quran yang memaparkan penggunaan *ism fi'l* hanyalah sebagai penjelasan untuk kefahaman.

Fokus kajian menggunakan ayat-ayat suci al-Quran selain teks-teks Arab. Ayat-ayat suci al-Quran menjadi sumber utama untuk mengeluarkan data dan dianalisis di mana penelitian khusus tertumpu *ism fi'l*, fungsi-fungsi dan jenis-jenisnya.

Pemilihan pelbagai jenis teks bahasa Arab seperti sajak adalah berdasarkan keinginan penulis untuk mengenalpasti sebanyak mungkin *ism fi'l* untuk dibincangkan namun, analisis kajian hanya tertumpu kepada teks-teks al-Quran al-karim.

1.6 Metodologi Kajian

Pengkaji akan menggunakan metodologi kajian berasaskan kajian kualitatif bagi mencapai matlamat yang diinginkan di mana kajian ini berbentuk deskriptif yang dilakukan dengan mengumpul data, melakukan perincian di samping memilih data yang sesuai serta menganalisis data tersebut.

Terdapat beberapa kaedah digunakan bagi menghasilkan kajian ini.

1.6.1 Cara Pungutan Data

1.6.1.1 Kaedah Perpustakaan

Di antara kajian-kajian perpustakaan yang menjadi sumber rujukan pengkaji ialah penulisan yang berkisar tentang kaedah-kaedah nahu Arab serta kaedah-kaedah pembahagian kata bahasa Arab yang ditonjolkan .

Penulis juga merujuk beberapa penulisan lain yang berkaitan termasuk petikan-petikan Arab khususnya al-Quran al-karim. Bagi terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam penulisan ini, penulis merujuk kepada “Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran” manakala penafsiran kata mengikut makna semantik atau aspek nahuan penulis merujuk kepada penulisan-penulisan ilmuwan yang berkaitan.

1.6.1.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah analisis kandungan akan digunakan bagi cara pungutan data kajian ini. Kaedah ini digunakan untuk memahami pendekatan yang diaplikasi oleh sarjana-sarjana berhubung tatabahasa bahasa Arab.

Seterusnya kategori penggolongan *ism fi'l* mengikut kaedah tatabahasa Arab akan dianalisis dengan merujuk kepada ayat-ayat yang terdapat dalam teks-teks bahasa Arab.

1.6.1.3 Kaedah Pembahagian Data

Data-data yang diperolehi akan dikategorikan mengikut aspek berkaitan *ism fi'l* dalam sistem tatabahasa bahasa Arab. Kesemua aspek data yang dikumpul akan diperinci dan dinilai untuk dianalisis bagi mendapatkan gambaran yang jelas.

1.6.2 Analisis Data

Data daripada pelbagai sumber akan dikumpulkan antaranya seperti pengumpulan penulisan berkenaan bahasa Arab dan tatabahasa Arab. Analisis data bertujuan untuk mengenalpasti *ism fi'l* serta menyatakan jenis dan fungsi-fungsinya mengikut tatabahasa Arab.

Analisis kajian ini akan berfokus kepada teks al-Quran al-karim. Namun, teks-teks Arab yang lain akan disentuh penulis sebagai perbincangan untuk menghasilkan pendedahan yang baik dan sederhana selain mudah untuk dibuat perbandingan.

Bagi mengenalpasti sampel kajian, penulis turut menggunakan perisian *maktabat shamilat* sebagai cara untuk menganalisis kuantiti sampel yang ada.

Melalui metodologi kajian yang akan diaplikasi dalam kajian ini, penulis dapat mencapai matlamat dan tujuan yang diinginkan.

1.7 Sorotan Kajian

Tinjauan merupakan antara aspek penting di dalam sesuatu kajian untuk mendapatkan gambaran dan keperluan terhadap bidang yang dikaji selain mengetahui dan menyelusuri perkembangan yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

Penulis menggunakan sumber-sumber penulisan yang ada menyentuh tentang bidang nahu Arab dari kalangan sarjana juga tidak ketinggalan sumber rujukan daripada bahasa-bahasa lain yang masih menyentuh tentang tatabahasa dan isu yang berkaitan. Buku-buku bukan berbahasa Arab turut membantu membekalkan maklumat dalam mendapatkan informasi yang diinginkan.

Terdapat pelbagai kajian berkaitan ilmu nahu Arab dan kaedah-kaedah nahu sejak zaman berzaman. Kebanyakannya membincangkan skop yang begitu meluas tentang nahu

Arab dalam pelbagai aspek seperti sejarah nahu Arab, permasalahan berkaitan dengan jenis penggolongan kata dan ayat serta kedudukannya dalam *i'rab* dan seumpamanya.

Selain itu, terdapat hasil-hasil penulisan ilmiah yang turut tidak ketinggalan dalam membicarakan dan mengkaji bidang nahu Arab. Walau bagaimanapun, apa yang diperhatikan penulis, majoriti penulisan-penulisan yang terhasil adalah hasil usaha dan penat lelah tokoh-tokoh nahu Arab seperti Sibawayh, Ibn Hisham, Shawqiyy Dayf, Ahmad Qibbish dan ramai lagi yang tidak dapat dinyatakan sepenuhnya yang kebanyakannya dari kalangan masyarakat Arab di serata Semenanjung Arab.

Penulis tidak menafikan usaha-usaha yang wujud di kalangan masyarakat tempatan yang kini boleh dibanggakan kerana terdapat peningkatan dari masa ke masa dari aspek penulisan berkaitan nahu Arab dan kajian tertentu mengenai nahu dalam skop yang lebih khusus, namun kuantitinya masih perlu dipertingkatkan agar memberi faedah kepada penuntut bahasa Arab dan pencinta bahasa ini terutamanya kalangan penutur bahasa Melayu.

Berikut ialah di antara penulisan-penulisan yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh nahu Arab dan para sarjana tempatan yang menyentuh dan juga tidak ketinggalan mengkaji tentang bidang ini seperti:

- 1) Hasil penulisan Abduh al-Rajhiyy dalam bukunya *al-Tatbiq al-Nahwiyy* (1993) yang mana penulisan beliau menyentuh tentang kata serta penentuan dan kedudukan kata bahasa Arab dari aspek *i'rab* dan penjelasan tentang tanda-tanda *i'rab*.

Kebanyakan topik yang disentuh adalah tentang asas-asas penting ilmu nahu antaranya kata nama, kata ganti diri, pembahagian kata nama dan beberapa topik yang lain. Beliau memberikan penjelasan yang mudah untuk difahami dengan memberikan contoh-contoh yang ringkas namun padat.

2) Abdul Wakil Abdul Karim dalam buku karangan beliau : “*Zahirat al- I‘rab fi al-‘Arabiyyat*” (1988) membicarakan tentang bahasa Arab termasuklah perkembangan bahasa tersebut diikuti dengan kelahiran *i‘rab* yang berpunca daripada kelahiran *al-lahn* terutamanya di kalangan bukan Arab.

Beliau tidak ketinggalan membincangkan pandangan tokoh-tokoh nahu moden tentang isu-isu nahu.

3) Fuad Tirziyy dalam buku beliau *Al-Zaman fi al-Nahwi al-‘Arabiyy* (1969) pula paling ketara menyentuh skop berkait dengan *ism fi‘l* serta mendedahkan beberapa persoalan berkait dengan *ism fi‘l* selain mengetengahkan beberapa pendapat sarjana.

Walau bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan ayat dan jenis *ism fi‘l* yang terdapat di dalam al-Quran tetapi memadai memberi contoh-contoh yang mudah untuk kefahaman yang baik.

4) Terdapat penulisan ilmiah berkaitan dengan kata bahasa Arab yang dikaji oleh Muhammad Sabri Sahrir dalam kajian beliau bertajuk : “Kata Kerja Perintah Dalam

Bahasa Arab Dan Penggunaannya” (2002) namun penumpuan yang beliau lakukan adalah kepada kata kerja perintah dalam bahasa arab, pola-polanya serta aspek penggunaannya.

5) Penulisan Azhar Mohamed dalam “Penggunaan *Ism al-Fa'il* dan *al-Fi'l al-Mudari'* Di Dalam Al-Quran” (2003) pula ada menyentuh tentang *Ism al-Fai'l* dan *al-Fi'l al-Mudari'* yang memberi perincian terhadap pola penggunaan kata tersebut di dalam surah *Yasin*.

6) Penulisan bertajuk “Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab: Satu Kajian Kes” (2003) yang ditulis oleh Muhammad Rozman Abdullah pula menyentuh tentang pembahagian kata dalam bahasa Arab ketika membicarakan tentang kosa kata bahasa Arab. Beliau memberi fokus kepada tiga unsur utama kosa kata dalam bahasa Arab iaitu kata kerja, kata nama dan partikel.

Dalam melaksanakan kajian ini, penulis begitu tertarik dengan pendapat Ibrahim al-Samra'iyy yang menegaskan bahawa:

“ ... penuntut bahasa Arab seharusnya memahami nahu sebenar-benar dan apa sahaja yang mencakupinya sama ada tentang kaedah-kaedah nahu. Dengan itu, setiap penuntut nahu mestilah berusaha menjadi seorang pemerhati dan peneliti yang kritis dalam mempelajari nahu; tambahan pula ilmu nahu dan sejarahnya yang didapati kini bersandarkan kepada penulisan terdahulu yang dikaji sendiri oleh para nahuwan yang berkaliber.”²

² Ibrahim al-Samra'iyy, *Al-Nahw al-'Arabiyy Naqd wa Bina'*. Dar al-Bayariq, Beirut. 1997.hlm 9.

Penulis tidak menyangkal bahawa memahami nahu adalah suatu tuntutan yang penting. Selain itu, penelitian terhadap struktur nahu yang dipelajari juga perlu diamati agar teori yang difahami dapat diaplikasi sepenuhnya dan memberi manfaat kepada pengembangan dan perincian ilmu tersebut.

Seterusnya, tidak dinafikan terdapat penulisan dan kajian berhubung isu nahu yang begitu pelbagai dan meluas, namun menurut pengetahuan penulis masih tiada penulisan yang menjurus secara terperinci berhubung *ism fi'l* serta kajian menyeluruh terhadap topik ini di negara kita menggunakan bahasa ibunda.

Justeru itu, penulis menaruh harapan yang tinggi agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada diri penulis sendiri juga pencinta bahasa yang agung ini; bahasa yang dijanjikan Allah kekal selamanya.

1.8 Tentatif kajian

Berikut ialah tentatif kajian yang akan dilakukan mengikut bab-bab yang akan ditentukan:

1.8.1 BAB I : PENDAHULUAN

Bab yang pertama ini adalah sebagai pendahuluan yang akan dimulakan dengan menyatakan latar belakang kajian yang merujuk kepada kepentingan mengetahui *ism fi'l* dalam bahasa Arab. Bab ini juga akan menyentuh tentang permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kaedah kajian, prosedur kajian, penganalisan

data berdasarkan dari teks-teks al-Quran, sumber-sumber rujukan serta teks-teks bahasa Arab.

1.8.2 BAB II : *ISM FI'L* DALAM BAHASA ARAB

Penulis akan membicarakan tentang keistimewaan bahasa Arab termasuk penggolongan kata bahasa Arab dalam bab ini. Selain itu, penulis menyentuh tentang *ism fi'l* dalam nahu Arab serta isu-isu yang berkaitan dengan *ism fi'l* termasuk pandangan para ilmuwan berhubung perkara tersebut.

1.8.3 BAB III : *ISM FI'L* DALAM AL-QURAN AL-KARIM: SATU ANALISIS

Dalam bab ini pula, penulis akan menyentuh secara ringkas berkaitan al-Quran al-karim, kitab pegangan umat Islam. Gambaran khusus mengenai *ism fi'l* yang terdapat di dalam al-Quran akan dibincangkan tanpa melupakan pandangan para ilmuwan dan nahuwan. Kesemua *ism fi'l* yang terdapat di dalam al-Quran akan didedahkan meskipun penggunaannya tidak sekerap jenis kata bahasa Arab yang lain seperti kata kerja, kata nama dan partikel yang boleh dipecahkan lagi kepada beberapa bahagian.

1.8.4 BAB IV : DAPATAN KAJIAN

Bab ini merangkumi perbincangan mengenai data dan analisis data yang akan dilakukan melalui perolehan data daripada al-Quran al-karim yang dinyatakan dalam bab III. *Ism fi'l* yang didapati nanti akan diklasifikasikan mengikut jenis-jenisnya yang

terdapat dalam bahasa Arab serta menyentuh fungsi-fungsi kata tersebut dalam tatabahasa Arab. Kesimpulan dalam bentuk jadual akan dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih dekat lagi.

1.8.5 BAB V : KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

Dalam bab terakhir ini, suatu kesimpulan akan dirumuskan hasil daripada dapatan kajian. Selain itu, penulis akan mendedahkan secara ringkas dan padat mengenai saranan yang dirasakan perlu sebagai suatu rentetan daripada kajian yang dilaksanakan.

1.9 Penutup

Melalui bab I yang menjelaskan kajian dan perjalanan kajian melalui pengenalan, latar belakang, objektif, kepentingan dan batasan kajian, penulis akan dapat mencapai matlamat dan tujuan yang diinginkan iaitu mendapat gambaran jelas tentang bahasa Arab, jenis kata yang akan dikaji. Seterusnya, perincian dalam kajian ini yang menjurus kepada sintaksis yang mengandungi *ism fi'l* dan konstituen-konstituen yang berkaitan akan dapat didedahkan dan difahami.